

# 'Tidak berniat berlawanan dengan Usno' Umno ke Sabah bagi kumpul orang Islam

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Umno tidak berhasrat mengambil alih pemerintahan kerajaan Sabah serta tidak berniat untuk berlawanan dengan Usno sekiranya ia bertapak di negeri itu kelak.

Perdana Menteri, yang juga Presiden Umno, berkata apa yang Umno mahu ialah mengumpulkan orang Islam yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik di negeri itu.

"Nyata ramai lagi orang yang tidak terikat dengan parti-parti

yang ada sekarang. Kita mahu Umno menjadi parti pilihan kepada rakyat Sabah.

"Kelahiran Umno di sana sekurang-kurangnya akan dapat mengatasi masalah yang berbangkit antara parti politik Islam dan bukan Islam. Tetapi kita tidak berhasrat untuk mengambil alih pemerintahan kerajaan di negeri itu," tegasnya.

Keluaran terbaru akhbar *Merdeka* memetik Datuk Seri Dr Mahathir sebagai berkata, Umno sebenarnya sudah menerima banyak permintaan daripada rakyat tempatan Sabah supaya menu-

buhkan sayapnya di negeri itu.

Menurut akhbar itu, penubuhan Umno di Sabah semakin pasti walaupun kelahirannya kelak akan mengambil sedikit masa.

Dengan kata lain, tegas akhbar berkenaan, Umno tidak mahu bertindak secara terburu-buru dalam soal penubuhan itu. Keputusan yang bakal dibuat nanti akan dikaji sedalam-dalamnya sama ada ia perlu mengembangkan sayapnya di negeri itu.

Pemangku Presiden Usno, Haji Sakaran Dandai, Khamis lalu berkata Presiden Usno, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir secara tidak rasmi di Kuala Lumpur minggu depan bagi membincangkan ura-ura penubuhan Umno di Sabah.

Menurutnya, langkah itu dibuat berdasarkan mandat yang diberi oleh perwakilan dalam perhimpunan agung Usno Ke-20 pada hujung minggu lalu.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi Usno akan mengadakan mesyuaratnya bagi membincangkan lebih lanjut perkara itu sebelum jawatankuasa bersama dibentuk antara Usno dan Umno.